

# Ilmu tasawuf umpama mencapai keindahan

BH  
11/3/15

**Ada** pelbagai takrifan tasawuf, antaranya pandangan pakar bahasa Arab, Syeikh Dr Abdul Muhsin Al-Qaisi menyamakannya dengan keindahan.

Ya diibaratkan seseorang yang memakai pakaian diperbuat daripada al-Suuf (pakaian yang menunjukkan kerendahan diri), berada di atas hati suci bersih dan landasan amalannya berada di atas manhaj Nabawi.

Pendakwah bebas, Mohd Iqbal Zain, berkata setiap Muslim yang ingin mempelajari sesebuah ilmu perlu terlebih dulu mengetahui dasar atau asasnya secara terperinci.

## **Bersih daripada sifat buruk**

"Begitu juga dengan ilmu tasawuf, kita perlu tahu makna perkataan itu sendiri. Dicapada sudut bahasa diambil daripada perkataan al-safa' yang bererti bersih dan jernih atau hening daripada sesuatu najis sama ada ia dapat dilihat atau tidak kelihatan.

"Jika menurut istilah ia adalah ilmu untuk membersihkan diri daripada perangsang atau sifat buruk yang dilambangkan kepada manusia supaya meningkatkan kepada sifat terpuji yang dilambangkan kepada malaikat.

"Selain itu ia juga bermaksud

menumpukan ibadah kepada Allah SWT dan untuk mensucikan zat-Nya daripada segala sifat kekurangan yang mencederakan dan mencatatkan sifat ketuhanan," katanya.


## **Ilmu peradaban**

Beliau melihat tasawuf sebagai ilmu peradaban justeru menguasainya mampu mendidik hati serta menjauhkan manusia daripada segala sifat mazmumah.

Melaluinya juga, penghayatan ke atas ilmu ini mampu menjadikan seseorang itu dekat dengan nilai baik dengan mengamalkan sifat mahmudah selain mampu melahirkan Mukmin yang beriman soleh dan beriman kepada Allah SWT.

"Jalan tasawuf membawa setiap Muslim untuk patuh bukan sahaja melaksanakan ibadah wajib termasuk puasa, solat, zakat dan mengerjakan haji, bahkan menggalakkan pengisian jiwa melalui amalan sunat termasuk melalui zikir yang dibawa oleh ahli sufi termasuk Naqsyabandi, Syazili, Satri dan Ahmadi.

"Manfaat mempelajarinya sehingga mampu membersihkan hati supaya sampai kepada makrifat akan hak Allah SWT sebagai



**Jalan tasawuf** membawa setiap Muslim untuk patuh bukan sahaja melaksanakan ibadah wajib termasuk puasa, solat, zakat dan mengerjakan haji, bahkan menggalakkan pengisian jiwa melalui amalan sunat termasuk melalui zikir.

makrifat yang sempurna untuk keselamatan di akhirat dan mendapat keredaan-Nya bagi memperoleh kebahagiaan abadi," katanya.

Beliau yang memetik kitab *Al-Qatr Al-Ghaithiyah* karangan ulama besar Kedah, Tuan Husin Nasir Muhammad Tayyib Al-Mas'udi Al-Banjari berkata, tasawuf ada-

lah asas kepada bidang ilmu yang lain, bahkan menjadi tunjang kepada ilmu tauhid yang mampu meneguhkan akidah setiap Muslim.